

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 04/11/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 14

Tajuk : 23 koperasi sekolah Selangor, Johor catat perolehan RM1 juta

23 koperasi sekolah Selangor, Johor catat perolehan RM1 juta

KUALA SELANGOR – Sebanyak 23 koperasi sekolah di seluruh negara berjaya mencatatkan perolehan RM1 juta tahun ini.

Koperasi itu meliputi 12 sekolah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan 11 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, jumlah itu melibatkan empat sekolah di Selangor, manakala tiga sekolah masing-masing di Johor dan Kelantan.

Menurutnya, turut direkodkan adalah dua koperasi sekolah di Pulau Pinang, Sabah, Negeri Sembilan dan Melaka yang sudah berjaya mencapai RM1 juta.

"Ini diikuti masing-masing satu sekolah di Kedah, Perak, Kuala Lumpur, Pahang dan Sarawak.

"Kita optimis sasaran sebanyak 30 koperasi sekolah mendapat perolehan sama mampu dicapai menjelang hujung tahun ini," katanya selepas Majlis Anugerah Pengiktirafan Perolehan RM1 Juta Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saujana Utama Berhad di sini semalam.



ABDUL FATTAH (tengah) menyerahkan sijil penghargaan kepada pihak pengurusan SMK Saujana Utama Berhad, Kuala Selangor semalam.

Abdul Fattah menegaskan, koperasi sekolah bukan saja menjadi pelapis masa depan koperasi di negara ini, malah diperakui di peringkat dunia.

Malah, kata beliau, banyak negara luar berminal mengetahui model koperasi sekolah digunakan Malaysia.

"Ini merupakan satu pengiktirafan dan kejayaan kepada kita kerana menjadi contoh atau rujukan negara lain," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau turut meminta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) setiap sekolah bekerjasama dan menyokong penuh usaha menjayakan perniagaan koperasi.

"PIBG perlu sentiasa memberi galakan bagi memastikan anak-anak mendapatkan barangan dan perkhidmatan dijual di peringkat sekolah," katanya.